


Aktiviti 6

Lengkapkan dialog dengan kata ganti nama.

Rezeki Selipar Hanyut

sana ini itu kita kalian kami
saya kamu mereka




Aliya dan rakan-rakannya sedang belajar di dalam kelas.

Cikgu Nurul: Murid-murid, pernahkah _____ mendengar kisah Rezeki Selipar Hanyut?

Murid-murid: Kami tidak pernah mendengar cerita _____.
Cikgu, ceritakannya kepada _____.

Aliya: Ya, cikgu. _____ juga tidak sabar hendak mendengarnya.

Murid-murid: Betul kata _____, Aliya. Mesti menarik kisah itu, cikgu.



Cerita ini mengisahkan penduduk yang tinggal di sepanjang pantai di Afrika Timur. Penduduk di _____ berasa susah hati apabila melihat banyak selipar di pantai. _____ susah hati kerana habitat penyu boleh terancam. Untuk mengatasi masalah, penduduk bekerjasama untuk mengutip selipar hanyut. Mereka menjadikan selipar hanyut sebagai bahan asas untuk menghasilkan pelbagai replika dan ukiran yang menarik. Kemudian, mereka menjualnya.

Oleh itu, _____ boleh mengambil iktibar daripada kisah _____.